

# **PENGAPLIKASIAN TEORI RETORIK MODEN DALAM PENYAMPAIAN CERAMAH USTAZ KAZIM ELIAS**

**(*Applying Modern Rhetorical Theory on Ustaz Kazim Elias' Da'wah Presentation*)**

*Dewi Hj Samri*

dewi141797@gmail.com

Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam.

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Dewi Hj Samri. (2022). Pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam penyampaian ceramah Ustaz Kazim Elias. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 49–76. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no3)

Peroleh: <i>Received:</i>	1/4/2021	Semakan: <i>Revised</i>	4/12/2021	Terima: <i>Accepted:</i>	14/4/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	2/6/2022
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	----------

## **Abstrak**

Dakwah yang disampaikan menerusi ceramah seharusnya menggunakan bahasa yang tepat dan jitu bagi memastikan pendengar memahami maksud yang disampaikan. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian pesanan dakwah tidak sampai kepada pendengar disebabkan kegagalan pendakwah mengolah dan menggunakan bahasa dengan sebaik-baiknya. Pendekatan retorik dapat memperbaik pengolahan bahasa terutamanya dalam penggunaan bahasa yang menarik bagi setiap pengucapan sehingga mampu mempengaruhi pendengarnya (Nur Sakinah, 2018:9). Oleh itu, kajian ini memfokuskan pada beberapa objektif utama, iaitu untuk mengenal pasti jenis retorik di samping meneliti fungsi dan peranan bagi setiap jenis retorik yang digunakan oleh Ustaz Kazim Elias. Kajian ini memanfaatkan penggunaan Teori Retorik Moden yang dikemukakan oleh Enos dan Brown pada tahun 1993 dengan menggunakan kaedah yang berunsurkan kualitatif. Penggunaan teori ini dijadikan panduan utama untuk menghuraikan dan menjelaskan ungkapan tertentu mengikut konteks yang dijarkan. Selain itu, data kajian ini memfokuskan kepada satu video ceramah Ustaz Kazim Elias yang telah dimuat turun dan ditranskripsi sepenuhnya untuk

memudahkan proses penganalisisan data. Berdasarkan analisis dan perbincangan yang telah dilakukan, kajian ini mendapati semua jenis retorik telah dijumpai dalam penyampaian ceramah Ustaz Kazim Elias, iaitu pendedahan sebanyak 31%, penghujahan 5%, penerangan 19%, penceritaan 37% dan pemujukan sebanyak 8%. Kesemua jenis retorik ini telah dikenal pasti melalui penanda tertentu, seperti penggunaan kata pemeri, kata penegas, kata sifat, kata perintah, kata penguat, bahasa figuratif (simile dan metafora) dan ayat-ayat al-Quran.

Kata kunci: *Komunikasi dakwah, retorik, pengaruh, kreativiti, konteks*

### ***Abstract***

*Da'wah that is delivered in speech should use accurate and precise language to ensure that the listener understands the meaning that is conveyed. Therefore, it is undeniable that some da'wah messages do not reach the listeners due to the failure in processing and using the language properly. The rhetorical approach is able to improve language processing, especially in the use of interesting language for each utterance so that it can influence the listener (Nur Sakinah, 2018: 9). On that basis, this study focuses on several main objectives, namely to identify the types of rhetoric in addition to examining the function and role of each type of rhetoric used by the speaker, Ustaz Kazim Elias. This study utilizes the application of Modern Rhetorical Theory that was discovered by Enos and Brown in 1993 by using a qualitative method. This theory is used as the main guide in describing and explaining certain expressions according to the context in which they are spoken. In addition, the data of this study only focus on one video of Ustaz Kazim Elias's speech, which has been downloaded and fully transcribed to facilitate the data analysis process. Based on the analysis and discussion that was done, this study found that all types of rhetoric were used by Ustaz Kazim Elias, namely exposure (31%), argument (5%), explanation (19%), narration (37%) and persuasion (8%). These types of rhetoric have been identified through certain markers, such as the use of adverbs, affirmative words, adjectives, command words, figurative language (simile and metaphor) and Quranic verses.*

**Keywords:** *Da'wah communication, rhetoric, influence, creativity, context*

## PENGENALAN

Kepelbagaiannya dalam penggunaan bahasa mengikut teknik tertentu sememangnya memberikan hasil yang cukup positif kepada pengguna bahasa. Hal ini membuktikan betapa pentingnya peranan dan penguasaan bahasa oleh setiap penutur khususnya dalam aspek pengucapan awam (Abdullah, 2013:17). Keberhasilan suatu komunikasi antara penutur dengan pendengar bergantung pada keberhasilan penutur itu menjelaskan sesuatu makna yang ingin disampaikan. Jika suatu pernyataan itu dijelaskan dengan baik dan dapat difahami pendengar, sudah pasti dapat memberikan hasil yang cukup mendalam kepada pendengar yang mendengarnya (Salasiah, 2005:101). Dengan itu, setiap penggunaan bahasa mestilah mengikut peraturan yang telah ditentukan. Hal ini meliputi pemilihan kata, binaan struktur ayat, intonasi yang digunakan, cara penyampaian, pergerakan tubuh dan sebagainya (Asmah, 2015:95). Oleh yang demikian, dalam setiap konteks komunikasi yang dilangsungkan sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan, penggunaan bahasa yang betul dan menarik amat penting untuk diambil kira selain memiliki pengetahuan tentang suatu perkara yang ingin dikongsikan atau disampaikan kepada orang lain (Sara & Indirawati, 2016:68-69).

Apabila ditelusuri konteks dakwah pula, komunikasi secara lisan merupakan cara yang sering digunakan oleh penceramah bebas kerana cara ini merupakan teknik asas untuk menyampaikan dakwah. Menurut Ahmad (2014:118), komunikasi dakwah memiliki beberapa tujuan, iaitu untuk memberitahu dan berkongsi maklumat, nasihat mahupun pengajaran kepada pihak pendengar sekali gus mempengaruhi pemikiran dan tindakan mereka selanjutnya. Perkara ini setentunya dilakukan dengan berlandaskan ajaran Islam bersumberkan al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Maksudnya, terdapatnya butiran penting yang perlu dikongsikan oleh pendakwah kepada khalayak agar seruan dan ajaran Islam sampai kepada seluruh umatnya. Di samping itu, setiap pendakwah juga memainkan peranan untuk memahami peristiwa mahupun kejadian yang berlaku di sekelilingnya agar mampu memahami permasalahan yang dihadapi oleh sasarannya. Dengan itu, para pendakwah perlulah mempunyai kemahiran tertentu agar dapat membantu dalam penyampaian mesej yang ingin dikongsikannya (Salasiah, 2005:103).

Atas dasar itu, Teori Retorik Moden dilihat cukup berpotensi untuk menjamin keberhasilan penyampaian dakwah kerana melalui penggunaan teknik tertentu dalam teori ini mampu mempertingkatkan dan memperbaik mutu ceramah seseorang pendakwah (Asrul Azuan & Hajah Nor Azuwan,

2015:50). Menurut Hart (1997:13–17), retorik mempunyai enam fungsi utama, iaitu *unburdens*, iaitu tidak membebankan (sentiasa melihat ke hadapan, berfikiran positif dan tidak mundur atau berpaling semula); *distracts*, iaitu mengalihkan perhatian (penutur mampu mengawal topik perbincangan); *enlarges*, iaitu membesar (penutur menunjukkan bahawa setiap perubahan atau solusi baharu merupakan pandangan dan perasaan semula jadi yang sudah dimiliki oleh pendengar); *names*, iaitu menamakan (membantu pendengar menjadi lebih selesa dengan gagasan baharu dengan menyediakan perbendaharaan kata yang boleh diterima oleh pendengar); *empowers*, iaitu pemerksaan (retorik memiliki nilai fleksibiliti); dan, *elongates*, iaitu memanjangkan (masa seakan-akan dipanjangkan apabila menggunakan retorik). Berdasarkan fungsi tersebut, para penceramah sememangnya digalakkan menggunakan Teori Retorik Moden kerana bidang ini mampu meneliti kemampuan bahasa yang secara tidak langsung dapat memberikan tindakan dan kesedaran kepada masyarakat (Hermawan, 2018:1).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Setiap pengucapan kepada khalayak awam, khususnya yang berunsurkan keagamaan, memerlukan individu yang memiliki kemahiran berbahasa dan mampu menghasilkan pengucapan yang berbentuk pemujukan agar dapat memberikan kesan dan pengaruh yang mendalam terhadap diri pendengar (Rosyadie, n.d:40). Perkara ini meliputi kemahiran menggunakan bahasa yang indah, berkias dan berestetika selain menggunakan teknik yang berkaitan dengan komunikasi (Rosyadie, n.d:6–7). Hal ini cukup penting untuk dijadikan tunjang atau asas untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan dakwah yang disampaikan. Dengan adanya kemahiran dan kaedah tertentu dalam berdakwah, sudah pasti hujah yang dikemukakan mampu mempengaruhi minda dan emosi pendengar (Sohana & Hairun, 2017:88). Sehubungan dengan itu, perkara ini dilihat cukup berpotensi untuk memberikan kesan yang positif terhadap tindakan mereka selepas itu. Dalam pada itu, penelitian tertentu dalam Teori Retorik Moden mampu membantu pendakwah untuk mencapai objektifnya. Pengaplikasiannya pula menjadikan suatu ujaran yang dituturkan, khususnya yang berunsurkan keagamaan, menjadi lebih menarik, efektif dan tidak menjemuhan (Muhammad Mazlan, 2015:1). Oleh itu, permasalahan kajian ini berkisar pada persoalan, apakah ceramah yang berunsurkan keagamaan memiliki unsur yang berkaitan dengan Teori Retorik Moden?

Kajian ini diungkayahkan untuk mengenal pasti jenis-jenis retorik yang diperaktikkan dalam ceramah agama Ustaz Kazim Elias, iaitu dengan mengemukakan definisi dan aspek yang berkaitan dengan teori tersebut dan meneliti fungsi-fungsi dan peranan retorik dalam ceramah agama, dengan memberikan tumpuan terhadap penerapannya dalam penyampaian komunikasi dakwah.

## SOROTAN LITERATUR

### **Komunikasi Dakwah**

Dakwah dapat dibahagikan kepada dua tumpuan utama, iaitu untuk menyampaikan maklumat dan memberikan motivasi kepada masyarakat. Komunikasi dakwah secara lisan merangkumi pelbagai cara, misalnya ceramah, forum, kuliah, majlis ilmu dan nasyid. Setiap dakwah yang disampaikan itu memiliki objektif yang sama, iaitu memberikan pengetahuan tentang hukum-hakam agama yang sememangnya mengajak umatnya meninggalkan perkara yang batil dan mendorong mereka melaksanakan segala perintah-Nya (Amida, 2015:116). Meskipun setiap pendakwah seharusnya memiliki pengetahuan yang luas dan mendalam namun aspek lain seperti keterampilan, akhlak dan sifat keterbukaan turut menjadi unsur penting yang wajar dititikberatkan oleh setiap pendakwah (Amida, 2015:117–118). Walaupun setiap umat Islam dituntut untuk menyebarluaskan maklumat mengenai ajaran Islam namun perkara ini wajar diambil berat oleh golongan pendakwah yang berusaha sehabis daya dan semaksimum mungkin untuk menyebarluaskan ajaran Islam (Israr, 1993:41).

### **Retorik**

Menurut Asmah (1984:3) dan I. Nengah (2010:4), retorik merupakan penggunaan atau keupayaan menggunakan bahasa secara efektif. Menurut Hart (1997:7) pula, retorik dikatakan sebagai sebuah sastera sama seperti puisi kerana retorik sering kali menggunakan idea umum, bahasa konvensional dan maklumat khusus untuk mengatur dan mengawal perasaan dan tingkah laku pendengar. Selain itu, retorik turut dertiakan sebagai sebuah wacana yang diungkapkan berdasarkan tujuan tertentu. Meskipun retorik dikatakan sebagai sastera namun retorik merupakan sastera yang memiliki enam ciri utama, iaitu seni koperatif (*cooperative*),

seni rakyat (*people's*), seni sementara (*temporary*), seni terhad (*limited*), seni yang mengecewakan (*frustrating*), dan seni generatif (*generative*) (Hart, 1997:7–9). Di samping itu, retorik juga didefinisikan sebagai seni untuk memujuk atau kebolehan menggunakan bahasa untuk memujuk seseorang supaya bersetuju dengan pendirian penutur. Retorik bukan sahaja penggunaan bahasa yang indah namun turut merangkumi penggunaan simbol untuk berkomunikasi. Simbol di sini merujuk sebarang isyarat (*sign*), tanda (*mark*) dan pergerakan (*gesture*) yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu makna (Lim Kim Hui, 2007:2).

## KAJIAN LEPAS

Penggunaan bahasa retorik tidak asing lagi dalam kalangan para pendakwah khususnya komunikasi dakwah yang disampaikan secara lisan (Nor Raudah, 2013:51). Meskipun penggunaan bahasa retorik dianggap sudah lazim dalam komunikasi dakwah, namun pengaplikasian setiap jenis retorik semestinya berbeza mengikut strategi dan objektif tertentu yang ingin dicapai oleh setiap pendakwah. Oleh itu, penerapan jenis retorik yang digunakan oleh para pendakwah akan dapat dirungkaikan melalui penelitian yang dilakukan terhadap beberapa kajian lepas yang berkaitan, seperti kajian yang dijalankan oleh Nor Azuwan dan rakan-rakan (2018), Normaizura (2018) dan Husna Hidayah (2018). Ketiga-tiga sarjana ini mengetengahkan penggunaan teori yang sama, iaitu Teori Retorik Moden yang diasaskan oleh Enos dan Brown pada tahun 1993 dengan memfokuskan pada wacana yang berunsurkan keagamaan.

Penyelidikan yang dijalankan oleh Nor Azuwan dan rakan-rakan (2018) menggunakan data ceramah yang dimuat turun daripada aplikasi Youtube yang disampaikan oleh tiga penceramah popular, iaitu Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Don Daniyal. Data ceramah yang digunakan merupakan ceramah yang berdurasi antara 40 ke 50 minit yang telah disampaikan pada tahun 2012 hingga 2013. Penyelidikan ini menumpukan pada dua objektif kajian, iaitu untuk mengenal pasti dan menganalisis jenis retorik yang digunakan dalam ceramah berkenaan. Hasil daripada penyelidikan ini didapati bahawa retorik penceritaan merupakan jenis retorik yang paling dominan digunakan diikuti dengan jenis retorik yang lainnya. Retorik penceritaan sering digunakan oleh para pendakwah kerana sifatnya yang lebih santai dan menarik. Perkara ini berbeza dengan retorik penghujahan kerana penerapannya kurang diterapkan dalam wacana lisan.

Menurut Nor Azuwan dan rakan-rakan (2018), retorik penghujahan tidak perlu digunakan berkali-kali kerana boleh menjemukan para pendengar.

Meskipun retorik penceritaan dikatakan jenis yang paling dominan digunakan, namun jenis ini tidaklah dominan bagi pengisian ceramah yang terdapat bagi setiap penceramah yang difokuskan. Daripada penelitian yang dijalankan ini, mereka dapat bahawa Ustaz Azhar Idrus dan Ustaz Kazim Elias cenderung dan konsisten menggunakan retorik penceritaan. Namun begitu, perkara ini bertentangan dengan penyampaian ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Don Daniyal kerana hasil kajian yang mereka temui mendapati bahawa Ustaz Don Daniyal lebih terarah kepada penggunaan retorik pendedahan walaupun penerapannya hampir seimbang dengan retorik penceritaan. Berdasarkan dapatan kajian, mereka telah menyimpulkan bahawa ketiga-tiga penceramah ini menyelitkan unsur retorik dalam penyampaian ceramah yang dikendalikan. Perkara ini secara tidak langsung mencerminkan kemahiran mereka untuk menarik perhatian dan minat pihak audiens agar terus fokus dengan ceramah yang dikongsikan. Nor Azuwan dan rakan-rakan (2018) turut berpendapat bahawa setiap ceramah yang disampaikan adalah perlu untuk mengaplikasikan penggunaan bahasa retorik kerana penerapannya mampu menarik minat khalayak di samping memperlihatkan kewujudan kesan tertentu yang ditimbulkan melalui penggunaannya.

Selain itu, penyelidikan yang dijalankan oleh Normaizura (2018) turut memfokuskan pada ketiga-tiga ceramah seperti yang difokuskan oleh Nor Azuwan dan rakan-rakan (2018), iaitu ceramah Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Kazim Elias dan Ustaz Don Daniyal. Penyelidikan Normaizura (2018) menumpukan pada enam buah video ceramah yang berdurasi 40 ke 50 minit yang dikongsikan sekitar pada tahun 2012 hingga 2013. Objektif kajian ini merangkumi tiga perkara, iaitu mengenal pasti jenis retorik, menganalisis gaya retorik dan merumuskannya berdasarkan Teori Retorik Moden. Hasil penyelidikan ini turut menemui bahawa retorik penceritaan ialah jenis yang paling banyak digunakan oleh ketiga-tiga penceramah, manakala gaya retorik yang paling lazim digunakan ialah gaya retorik pengulangan. Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, Normaizura (2018) merumuskan bahawa penggunaan retorik mampu mencerminkan kemahiran seseorang individu khususnya dalam usaha menarik minat masyarakat.

Di samping itu, penyelidikan yang dilaksanakan oleh Husna Hidayah (2018) turut berkait rapat dengan penggunaan bahasa retorik. Penyelidikan ini menggunakan ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Kazim Elias melalui rancangan “Kalau Dah Jodoh Siri 1” dengan menumpukan pada tujuh tajuk

ceramah yang pernah disampaikan. Dalam penyelidikan ini, Husna Hidayah (2018) telah memfokuskan pada tiga objektif kajian, iaitu untuk mengenal pasti jenis, gaya dan struktur retorik yang terkandung dalam ceramah Ustaz Kazim Elias. Hasil perbincangan kajian ini mendapat bahawa ceramah Ustaz Kazim Elias sangat efektif dan berjaya mendapat perhatian khalayak disebabkan terdapatnya penggunaan unsur retorik di dalamnya. Oleh itu, Husna Hidayah (2018) berpendapat bahawa setiap penyampaian ceramah seharusnya memasukkan elemen yang terdapat dalam bahasa retorik agar mampu membantu dalam setiap penjelasan dan mesej yang dikongsikan.

Berdasarkan beberapa kajian yang telah dibincangkan tersebut, jelas menunjukkan bahawa penggunaan Teori Retorik Moden sering digunakan bagi kajian yang berkaitan dengan bidang keagamaan khususnya komunikasi lisan dalam wacana ceramah. Meskipun kajian yang dijalankan menggunakan teori yang sama namun penggunaan data dan fokus kajian agak berbeza dengan kajian-kajian yang pernah diungkayahkan. Jika diperhatikan, ceramah Ustaz Kazim Elias mengandungi penggunaan bahasa retorik. Akan tetapi, data yang pernah digunakan hanya memfokuskan pada ceramah Ustaz Kazim Elias yang disampaikan pada tahun 2012, 2013 dan 2015 sahaja. Oleh yang demikian, perkara ini menjadikan adanya keperluan untuk meneliti dan menjalankan kajian yang baru bagi mengetahui adakah hasil kajian yang sebelumnya masih relevan atau tidak dengan pengisian dan struktur yang terdapat dalam ceramah Ustaz Kazim Elias pada masa kini. Oleh itu, kajian ini telah memfokuskan pada data yang terkini khususnya ceramah Ustaz Kazim Elias yang diselenggarakan pada tahun 2020 bagi mengenal pasti jenis retorik yang diterapkan.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan sumber sekunder yang merangkumi kaedah kepustakaan dan kaedah penganalisisan data (kualitatif). Melalui kaedah kepustakaan, beberapa pembacaan dan pengutipan bahan tertentu yang berkaitan dengan tajuk kajian telah dilakukan, iaitu dengan merujuk bahan bacaan seperti buku, jurnal, kajian lepas dan laman sesawang yang diyakini memiliki tahap kesahihan yang tinggi. Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan pada satu video ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Kazim Elias yang berdurasi 1 jam 31 minit 34 saat. Ceramah Ustaz Kazim Elias ini dipilih sebagai data kajian kerana penceramah tersebut sudah dikenali ramai di Brunei Darussalam walaupun beliau berasal dari negara

jiran, Malaysia. Di samping itu, pemilihan video ceramah ini adalah berdasarkan video ceramah yang terkini yang dikendalikan pada 21 Ogos 2020.

Pewajaran bagi pemilihan data adalah berdasarkan sifat video yang berunsurkan dakwah selain memfokuskan pada populariti, kepelbagaiannya dalam wacana penyampaian dan kesesuaianya bagi setiap peringkat umur. Penentuan data ini turut mengambil kira aspek waktu dan kesesuaian skop kajian yang berlandaskan Teori Retorik Moden yang diperkenalkan oleh Enos dan Brown (1993) agar dapat melengkapai kajian ini. Data tersebut dimuat turun melalui laman sesawang kemudian ditranskripsi untuk dijadikan data kajian. Laman sesawang yang dimaksudkan adalah seperti berikut:  
<https://www.youtube.com/watch?v=28MGInBToYc&t=3214s>

Setelah proses pentranskripsian dilakukan, data tersebut melalui proses pengkategorian seperti yang terdapat dalam Teori Retorik Moden. Proses pengkategorian ini merangkumi lima jenis retorik, iaitu pendedahan (*exposition*), penghujahan (*argument*), penerangan (*description*), penceritaan (*narration*) dan pemujukan (*persuasion*) (Cleanth & Robert, 1979:40). Setelah itu, data tersebut dianalisis dan dibincangkan dengan lebih tuntas dan jelas.

## KERANGKA TEORI

Kajian ini menggunakan Teori Retorik Moden yang diasaskan oleh Enos dan Brown pada tahun 1993 sebagai sandaran dalam menganalisis data kajian. Menurut Enos dan Brown (1993), Teori Retorik Moden merupakan lanjutan daripada teori yang diperkenalkan oleh Aristotle dalam karyanya *The Art of Rhetoric*, iaitu teori retorik klasik (Siti Nor *et al.*, 2016:16; Lim Kim Hui & Har Wai Mun, 2014). Pada asalnya, teori retorik klasik ini hanya menumpukan pada komunikasi yang berunsurkan lisan, iaitu memberikan penekanan pada pengaruh pendengar tentang sesuatu yang diucapkan. Akan tetapi, Enos dan Brown (1993) memperluas skop bagi Teori Retorik Moden dengan melibatkan kedua-dua jenis komunikasi, iaitu komunikasi lisan (retorik pengucapan) dan tulisan (retorik penulisan) (Siti Nor Atikaf *et al.*, 2016:16; Nurulain & Che Ibrahim, 2016:15). Retorik pengucapan berpegang pada satu matlamat, iaitu untuk memberikan keyakinan dan mempengaruhi pihak pendengar. Hal ini berlawanan dengan retorik penulisan yang sememangnya mementingkan penggunaan bahasa berestetika yang merangkumi pelbagai bentuk penulisan, sama

ada karya kreatif atau bukan kreatif (Nurulain & Che Ibrahim, 2016:15). Selain itu, Enos dan Brown (1993) turut menyatakan bahawa setiap penerapan bahasa retorik mampu memujuk dan mengubah sikap individu untuk menerima sesuatu perubahan (Muhammad Mazlan, 2015:1). Oleh itu, Teori Retorik Modern yang diasaskan oleh Enos dan Brown (1993) ini berlandaskan lima prinsip artistik (Muhammad Mazlan & Zaitul, 2016:7), seperti yang berikut:

- (1) Retorik mempunyai variasi bentuk bahasa yang tidak berbentuk terang-terangan atau langsung. Atas dasar itu, bahasa retorik sememangnya bersifat estetik dan menarik.
- (2) Retorik mempunyai kepelbagaian dari sudut makna. Gaya retorik lazimnya lebih menjurus kepada makna berunsurkan tersirat atau makna sebenar sesuatu ujaran yang difahami berdasarkan rantaian ayat, konteks dan kontekstual.
- (3) Retorik bertujuan untuk memberikan kesan tertentu dan sememangnya memiliki objektif yang terperinci yang ingin dicapai oleh penutur seperti dalam usaha menjelaskan sesuatu dengan teliti, mewujudkan emosi tertentu dan berpotensi memberikan pengaruh kepada minda khalayak.
- (4) Retorik mementingkan unsur keindahan dalam pemilihan diksi dan penyusunan ayat. Oleh itu, retorik lebih cenderung dalam penggunaan dan pemilihan kata yang mempunyai nilai seni yang memiliki kehalusan makna dan memperlihatkan elemen kebijaksanaan, kejelasan, keanggunan, kefasihan dan keyakinan.
- (5) Selain itu, setiap ungkapan retorik yang cuba diinterpretasikan oleh pendengar memerlukan keupayaan kognitif, psikologi, pemahaman sosial dan penguasaan bahasa yang tertentu. Dengan itu, pemahaman terhadap sejumlah konteks atau semua unsur yang mempengaruhi sesuatu ungkapan atau ujaran amat diperlukan kerana titik kebenaran semantik tidak akan diperoleh jika makna yang difahami itu hanyalah berbentuk makna logik semata-mata.

## ANALISIS KAJIAN

### Retorik Pendedahan

Pendedahan berasal daripada istilah dedah yang bermaksud buka, singkap, menampakkan, papar atau bentang (*Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2011:563). Maksudnya, suatu maklumat atau perkara perlu didedahkan dan dihuraikan dengan jelas agar dapat diketahui dan difahami oleh pendengar atau pembaca. Retorik pendedahan ini bertujuan untuk memindahkan suatu maklumat daripada minda penutur kepada pendengarnya secara efektif dan kukuh (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:20). Akan tetapi, dalam pendedahan ini tidak menggunakan sebarang kata-kata pujukan atau rayuan tertentu dan hanya mendedahkannya mengikut teknik yang bersesuaian. Antara teknik yang sering digunakan dalam pendedahan adalah melalui pendefinisian, percontohan, pencerakinan, pengkategorian, perbandingan, sebab dan akibat (Sobariah, 2008:2). Teknik percontohan sering kali digunakan untuk menjelaskan dan mengembangkan suatu makna agar menjadi lebih konkret dan khusus. Melalui teknik perbandingan pula, dikira cukup berkesan untuk memberikan kefahaman tentang suatu gagasan kepada pendengarnya. Hal ini dilakukan dengan menghubungkan suatu gagasan tersebut dengan suatu perkara yang lebih umum yang sudah diketahui atau yang mudah difahami pendengar (Md Sidin, 1999:8). Berdasarkan pengkategorian yang dilakukan, kajian ini menemui penggunaan bentuk pendedahan sebanyak 41 kali. Misalnya:

- (1) Pendedahan melalui pendefinisian menggunakan kata pemeri **ialah** dan **adalah**.

Contoh 1: Harta kita yang betul-betul **ialah** harta yang kita infakkan pada jalan Allah, harta yang kita belanjakan pada jalan Allah, harta yang kita dermakan pada jalan Allah, yang kita wakaf pada jalan Allah. (Data 223)

Contoh 2: Tuan-tuan tahu tak, burung hud-hud **adalah** burung di antara burung yang paling banyak, yang paling jauh terbang, yang boleh paling jauh terbang dalam dunia. (Data 617)

Kedua-dua petikan di atas merupakan bentuk pendedahan yang menggunakan kata pemeri yang berfungsi untuk memberikan atau menghuraikan sesuatu definisi, istilah, kata nama, frasa nama, frasa adjektif atau frasa sendi nama (Khairul Taufiq & Nor Hashimah, 2017:15).

Dalam contoh pertama jelas menunjukkan penggunaan kata pemeri “ialah” diletakkan selepas frasa nama, iaitu “harta kita yang betul-betul” bagi memberikan pengertian frasa nama tersebut dengan lebih jelas. Contoh kedua pula menggunakan kata pemeri “adalah” untuk menghuraikan keterangan dan kelebihan yang dimiliki oleh burung hud-hud tersebut. Oleh itu, penggunaan kata pemeri “adalah” diletakkan selepas frasa nama “burung hud-hud”.

(2) Pendedahan melalui ayat al-Quran.

Contoh 1: Rupa-rupanya tuan-tuan, Allah sebut dalam Quran, **Apabila isteri kamu didatangi haid, janganlah kamu campuri mereka, tunggu mereka bersih.** Sebab itu bila letak lampu isyarat, mesti warna merah. *No entry*. Boleh faham? Bila hijau, baru jalan. Tuan-tuan tak nak buat cadangan? Lampu isyarat merah itu tukar warna purple. “Jemu ustaz, duduk merah saja.” Takkan bertukar sampai kiamat, tetap warna merah.” Seluruh dunia guna warna merah. Dipetik warna merah *traffic light* tadi dalam Quran ilmunya. (Data 437–447)

Daripada contoh yang dikemukakan di atas, jelas memberikan gambaran bahawa teknik pendedahan turut hadir dalam bentuk penggunaan ayat al-Quran. Dalam konteks ini, penceramah menggunakan tafsiran ayat al-Quran untuk mendedahkan informasi baharu diikuti dengan penerangannya. Secara zahirnya, perkongsian menggunakan tafsiran ayat al-Quran merupakan satu teknik yang cukup berkesan dan mampu menarik perhatian serta rasa ingin tahu dalam diri pendengar. Hal ini kerana al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai panduan dan pengajaran bagi seluruh umat Islam (Wan Azura *et al.*, 2017:200). Oleh itu, setiap penerangan yang berkaitan dengan ayat al-Quran berpotensi untuk mempengaruhi fikiran dan tindakan pendengar kerana hujah yang dikemukakan adalah kukuh dan sahih.

Oleh yang demikian, pemanfaatan teknik dalam retorik pendedahan seperti contoh yang telah dihuraikan sememangnya menjadikan suatu subjek atau gagasan yang ingin dikongsikan menjadi lebih efisien selain memberikan informasi baharu kepada pihak pendengar. Secara tidak langsung, perkongsian tersebut memberikan kesan dan kesedaran yang berterusan dalam diri mereka (pendengar) (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:11). Perkara ini juga selaras dengan prinsip asas yang dikemukakan oleh Enos dan Brown (1993) yang menyatakan bahawa bahasa retorik mempunyai tujuan untuk

memberikan kesan tertentu khususnya mencetuskan emosi tertentu yang berpotensi dalam usaha mempengaruhi minda khalayak (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:7).

### **Retorik Penghujahan**

Menurut Asrul Azuan dan Hajah Nor Azuwan (2015:56), penghujahan merupakan bentuk pemujukan rasional. Pernyataan ini selari dengan definisi yang dikemukakan oleh Nor Azuwan dan rakan-rakan (2018:64), yang menyatakan bahawa penghujahan sebagai satu usaha untuk merayu pendengar atau pembaca agar bersetuju dengan kenyataan yang diberikan oleh penutur. Hujah yang diberikan itu dikukuhkan dengan bukti atau alasan yang konkrit sehingga mampu membuatkan pendengar berubah persepsi dan mempercayainya (Nurul Nadiah & Zulkefli, 2021:155). Oleh itu, penghujahan ini sememangnya didasari dengan tiga unsur utama, iaitu kenyataan atau suatu gagasan yang mesti diperkujuh; alasan atau bukti untuk menyokong suatu kenyataan; dan, pihak pendengar atau khalayak yang perlu diyakinkan (Md Sidin, 1999:36). Perkara ini turut disokong oleh Amida (2015:87–88) yang mendefinisikan penghujahan sebagai proses menyokong atau menentang sesuatu perkara yang diperkujuh melalui bukti atau alasan yang munasabah bagi merumuskan kesimpulan suatu pernyataan. Selain itu, penghujahan ini berbentuk rasional kerana tidak melibatkan emosi dan perasaan berat sebelah. Berdasarkan penganalisisan yang dijalankan, terdapat enam bentuk penghujahan yang digunakan, seperti yang berikut:

Contoh 1:

**Kenyataan:** Siapa yang menguruskan kita waktu duduk dalam rahim? Kita tak ada upaya, yang menguruskan kita ialah Allah. (Data 22)

**Alasan/ Bukti:** Allah Ta’ala sebut di dalam al-Quran, “Dialah yang membentukkan kita di dalam rahim ibu kita, bagaimana yang Dia nak yakni Allah nak”. (Data 23)

Contoh 2:

**Kenyataan:** Tuan-tuan yang saya hormati, kita sekarang hijrah dalam dunia ini, Allah Taala bagi kepada kita macam-macam. (Data 225)

**Alasan/ Bukti:** Allah Taala sebut dalam Quran, “Dialah yang menjadikan semua benda dalam dunia ini, untuk kita”. (Data 226)

Selain bentuk pendedahan, ceramah Ustaz Kazim Elias ini juga menggunakan retorik penghujahan dalam berkongsi maklumat kepada pendengar. Perkara ini wajar dan perlu dipraktikkan kerana penggunaan bukti-bukti kukuh mampu menjadikan setiap penyampaian yang disampaikan tampak lebih meyakinkan dan tidak meragukan (Zainorah, 2015:51). Di samping itu, penggunaan bukti dan alasan tertentu ini berupaya mencerminkan kewibawaan dan kebijaksanaan seseorang terutamanya kefasihan dalam penggunaan ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Hal ini menjadikan seseorang pendakwah itu lebih berpengaruh dan berkredibiliti menjalankan tugasnya sebagai seorang pendakwah atau pejuang agama (Nor Raudah, 2013:108–109). Setiap pernyataan yang disokong oleh ayat al-Quran diyakini kesahihannya kerana ayat tersebut merupakan mukjizat (bukti kebenaran) yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada seluruh umat Islam (Muhammad Aqsho, n.d:196).

Daripada kedua-dua contoh petikan di atas, penggunaan al-Quran sebagai asas utama untuk membuktikan sesuatu pernyataan yang dibangkitkan oleh penutur. Dalam contoh pertama, penutur menekankan bahawa setiap peristiwa dan kejadian yang berlaku mengikut kehendak dan kekuasaan Allah SWT. Penutur menegaskannya melalui tafsiran ayat al-Quran yang berkaitan, khususnya mengenai proses pembentukan dan kehidupan seseorang semasa berada di alam rahim. Dalam contoh kedua pula, penutur telah menyentuh mengenai kekuasaan Allah SWT yang menjadikan dan menciptakan seluruh benda (makhluk) di dunia ini. Seperti yang terdapat dalam contoh pertama, contoh kedua ini juga diselitkan dengan ayat al-Quran bagi mengukuhkan hujah dan kenyataan yang dikongsikan oleh penutur. Hal ini dilakukan agar setiap penyampaian suatu maklumat itu menjadi lebih konkret dan mudah diterima oleh masyarakat sekali gus membangkitkan kesedaran tentang kekuasaan Allah SWT yang menciptakan dan menjadikan setiap sesuatu benda yang wujud di dalam dunia ini.

Melalui perbincangan yang dikemukakan tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa penghujahan merupakan satu cara untuk memujuk pendengar memahami dan mempercayai sesuatu kenyataan yang disampaikan dan dikukuhkan dengan alasan atau bukti yang berkaitan dengannya. Melalui kenyataan dan alasan kukuh yang diberikan, sudah pasti mampu meraih

kepercayaan daripada pihak pendengar. Penutur telah menggunakan bukti atau alasan daripada sumber yang sahih dan dapat dipercayai, seperti penggunaan ayat al-Quran berserta tafsirannya. Penggunaan retorik penghujahan ini sering digunakan oleh para pendakwah kerana sifatnya yang berterus-terang menjadikan setiap butiran yang disampaikan tampak lebih jelas dan utuh sehingga tidak menimbulkan sebarang kontroversi daripada pihak pendengar. Selain itu, retorik penghujahan ini juga dilihat selari dengan prinsip asas retorik yang mementingkan elemen tertentu dalam penggunaannya, seperti elemen kebijaksanaan, kejelasan, kefasihan dan keyakinan seperti yang dibincangkan sebelum ini (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:7).

### **Retorik Penerangan**

Penerangan bermaksud pemindahan suatu informasi melalui pengamatan dan pemerhatian yang dapat digambarkan secara visual dalam minda pendengar. Menurut Husna Hidayah (2018:8), bentuk penerangan ini bertujuan untuk memberikan gambaran tentang keadaan, suasana, kawasan, tempat, orang atau kejadian tertentu. Perkara ini dilakukan agar pihak pendengar mampu menghasilkan imej yang jelas dalam minda mereka. Penerangan ini dihuraikan dengan memberikan ciri-ciri tentang sesuatu benda atau perkara supaya mudah difahami pendengar. Meskipun begitu, terdapat dua cara untuk menghasilkan imej dalam retorik penerangan, iaitu melalui gambaran statik dan gambaran aksi (Md Sidin, 1999:9–10).

- a. Gambaran statik bersifat agak relatif dan tidak dapat membentuk imej yang khusus. Hal ini kerana gambaran statik menggunakan kata-kata adjektif seperti cantik, menawan dan manja. Jelasnya, penggunaan perkataan tersebut tidak begitu kuat kesannya untuk menghasilkan suatu gambaran visual jika dibandingkan dengan penggunaan kata nama atau kata kerja.
- b. Gambaran aksi pula menghuraikan sesuatu benda atau perkara dengan menerangkan pergerakannya. Misalnya, untuk menerangkan watak seseorang, penutur akan menjelaskan cara dia bercakap, berjalan, ketawa dan sebagainya. Oleh itu, gambaran aksi ini dilakukan dengan menggunakan kata kerja.

Di samping itu, penggunaan bahasa figuratif, seperti simile, metafora dan personifikasi juga mampu menarik imaginasi pendengar untuk menghasilkan imej yang jelas, tepat dan segar (Siti Norashikin & Nor Azwan, 2018:1–2). Menurut Amida (2015:69), simile merupakan unsur retorik yang membandingkan persamaan sifat suatu benda yang diperkatakan dengan sifat benda yang lain. Meskipun benda yang dibandingkan ialah objek yang berbeza, namun faktor yang dibandingkan merupakan sifat yang dikongsi bersama oleh kedua-dua benda tersebut (Nazri & Zubir, 2013:83). Perbandingan ini agak jelas kerana terdapatnya penggunaan kata bandingan, iaitu seperti, bak, umpama, bagai, macam, laksana, ibarat dan persis (Sutopo, 2014:114). Metafora pula merupakan perbandingan yang dibuat tanpa menggunakan kata bandingan namun cukup berkesan untuk menggambarkan atau membayangkan sesuatu imej (Saifudin, 2012:92). Di samping itu, personifikasi pula merupakan perbandingan manusia dengan bukan manusia. Hal ni bermaksud sesuatu benda atau perkara dikaitkan penggunaannya dengan sifat-sifat manusia (Fibriani, 2021:3). Berdasarkan pembahagian yang dilakukan, kajian ini menemui sejumlah 25 data yang menggunakan retorik penerangan. Contoh-contohnya adalah seperti yang berikut:

(1) Penerangan melalui gambaran suasana.

Contoh 1: Asal kita tak ada tuan-tuan, **mati dulu. Kita duduk di alam roh**, mana duduk kita pun tak tahu. Habis itu macam mana kita ada, mak bapa kita menikah. Bila mak ayah kita menikah cukup setahun, setahun pula dah, **cukup sembilan bulan, mengandung, keluar**. Lepas itu baru ada kita. (Data 14–18)

Gambaran suasana seperti contoh di atas ini jelas memperlihatkan urutan hijrah bagi kehidupan manusia, iaitu daripada mati, alam roh, alam rahim dan alam dunia. Secara tidak langsung, gambaran yang diberikan oleh penutur mencetuskan imej atau imaginasi dalam minda pendengar kerana penerangan yang diberikan terperinci dan mudah untuk difahami. Misalnya, frasa “cukup sembilan bulan” sememangnya mudah difahami oleh masyarakat kerana tempoh bagi ibu yang hamil atau mengandung mengambil masa selama tujuh hingga sembilan bulan sebelum melahirkan zuriat atau anak dalam kandungan mereka (Ekasari, 2015:7). Gambaran ini jelas menggambarkan suasana “alam rahim”, iaitu alam sebelum dikeluarkan atau dilahirkan ke dunia.

(2) Penerangan melalui penggunaan bahasa figuratif (simile)

Contoh 1: Selepas *Surah al-Fatihah*, *Surah al-Baqarah*, surah lembu. Orang Melayu sebut, **bodoh macam lembu**, **bodoh macam lembu**. Lembu ini habuan kita nak kata dekat orang. Lembu ini selalu kita sebut dicucuk hidung, lembu. Kau ini ingat aku lembu ke, boleh cucuk hidung. Tapi Allah sebut lembu, surah nombor dua selepas al-Fatihah. Orang Melayu kita disogok dengan pemikiran, **bodoh macam lembu**, **bodoh macam lembu**, **bodoh macam lembu**, **bodoh macam lembu**. (Data 691–697)

Penanda kedua bagi retorik penerangan menggunakan bahasa figuratif seperti simile dan metafora. Setiap penggunaan simile menggunakan kata bandingan, seperti “macam” bagi membandingkan sesuatu. Misalnya, dalam contoh di atas menggunakan perbandingan “bodoh macam lembu”. Meskipun penerangannya pendek namun masyarakat atau pendengar mampu memahami dan membayangkan perbandingan yang digunakan oleh penutur. Hal ini kerana perkataan “macam” sudah diketahui maksudnya, iaitu membawa pengertian seerti atau bersinonim (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016:972). Perkara ini hampir sama dengan penggunaan metafora, namun yang membezakannya ialah penggunaan kata bandingan tersebut.

Kata “bodoh” di sini disinonimkan dengan binatang lembu. Ini berkemungkinan disebabkan perbuatan lembu yang sering menuruti atau mematuhi suruhan pengembalanya atau pemiliknya terutamanya apabila hidungnya (hidung lembu) dicucuk dan dimasukkan tali atau besi agar menuruti hala tuju pengembalanya. Meskipun demikian, perumpamaan ini digunakan adalah untuk memberikan penekanan tertentu, iaitu untuk menyedarkan masyarakat bahawa perumpamaan sedemikian (bodoh macam lembu) tidak seharusnya digunakan. Hal ini kerana penutur telah menegaskan dan memperlihatkan kemuliaan binatang lembu tersebut yang digunakan sebagai nama surah bagi kitab suci al-Quran seperti yang dimaksudkan dalam ceramah berkenaan. Oleh itu, penekanan bagi perumpamaan “bodoh macam lembu” ini diulang berkali-kali oleh penutur agar masyarakat tidak memandang remeh tentang penggunaan perumpamaan tersebut sekali gus melarang penggunaannya.

Berdasarkan huraiyan yang diberikan, retorik penerangan ini merupakan bentuk yang boleh membawa pendengarnya melahirkan suatu gambaran dalam fikiran mereka tentang sesuatu imej, suasana, kejadian, peristiwa atau subjek yang dibicarakan. Bentuk penerangan ini perlu digunakan kerana

mampu memberikan kefahaman yang lebih jelas terhadap suatu kenyataan yang diberikan oleh penutur. Daripada analisis yang telah dijalankan didapati sebanyak enam penanda penerangan yang digunakan dalam ceramah Ustaz Kazim Elias, iaitu gambaran suasana, gambaran peristiwa, penggunaan bahasa figuratif (simile dan metafora), penggunaan kata tanya “apa” dan butiran impresionistik (gambaran umum). Akan tetapi, dalam kajian ini hanya membincangkan dua daripada enam penanda sahaja kerana mengambil kira skop, limitasi dan keperluan bagi kajian ini.

### **Retorik Penceritaan**

Retorik penceritaan atau naratif merupakan cerita yang memiliki kaitan dengan sesuatu kenyataan yang dibangkitkan oleh penutur (Muhammad Mazlan, 2015:7). Bentuk penceritaan ini sering kali digunakan oleh penutur bagi memudahkan pendengar memahami penjelasan tentang suatu perkara (Nurhasma *et al.*, 2021:200). Tambahan pula, cerita-cerita yang dikongsikan sangat berkait rapat dengan kehidupan harian sesebuah masyarakat bukan sekadar untuk menyelitkan unsur humor, namun untuk memberikan penegasan tentang suatu perihal yang dibicarakan (Zaitul Azma, 2009:97). Retorik penceritaan mempunyai skop yang agak luas yang merangkumi cerita pendek, kisah, sejarah, novel, drama, hikayat, autobiografi dan sebagainya. Oleh itu, penutur seharusnya memilih butiran yang berkaitan agar dapat disesuaikan dengan perkara yang ingin disampaikan. Selain itu, penceritaan ini turut meliputi penggunaan dialog yang disampaikan dengan teliti dan lengkap agar dapat menarik perhatian pendengar dan pembaca serta mampu memberikan kesan dalam diri pendengar (Md Sidin, 1999:19–20). Berdasarkan pengkategorian yang dijalankan, kajian ini menemui penggunaan retorik penceritaan sebanyak 49 kali. Contoh penggunaannya boleh diperhatikan seperti yang berikut:

Contoh 1: Belum lagi yang tanya, “Ustaz, ini air apa?” “Air mineral.” “Boleh minum tak?” “Bolehlah.” “Boleh tak ambil wuduk?” “Bolehlah, kan cukup dua kolah, bolehlah, ini diambil dari sumber dua kolah diletakkan dalam botol ini, boleh ambil wuduklah.” “Ok soalan saya, air mani najis tak?” Saya jawab, “air mani tak najis.” “Ok, kalau tak najis, boleh tak kita guna untuk berwuduk?” Nampak. Saya kata, “macam inilah abang, abang kumpul dulu dua kolah air mani itu selepas itu telefon saya, nanti saya bagi jawapan.” Mampus kau nak cari dua kolah. Soalan gila babi tuan-tuan, babi pun tak gila macam itu. (Data 328–340)

Daripada contoh yang diberikan tersebut, telah memperlihatkan seseorang yang mengajukan pertanyaan kepada Ustaz Kazim Elias, iaitu yang berkaitan dengan perbuatan wuduk menggunakan air mani. Meskipun air mani tidak bersifat najis namun air tersebut sememangnya mustahil untuk dikumpulkan sehingga mencapai sukatan dua kolah dan jika berjaya dikumpulkan pula, besar kemungkinan tidak akan ada seorangpun yang sanggup berwuduk menggunakan air mani tersebut. Oleh itu, berdasarkan penceritaan yang dikemukakan oleh penutur tadi, pendengar atau masyarakat seharusnya tidak memberikan pertanyaan yang sedemikian kerana tidak mendatangkan faedah sama sekali sama ada kepada dirinya mahupun kepada orang yang diajukan persoalan.

Contoh 2: Abang-abang kalau balik nanti isteri tanya, “Abang, datang haid pula tengah dengar ceramah Ustaz Kazim tadi.” “Darah apa itu abang?” “Mana aku tahu, kau punya apa tanya aku pula.” Senang jawab. “Pergi tanya ustaz, hari itu ustaz mengajar kau kata tak habis-habis haid.” “Sekarang jadi dekat opah, jadi dekat isteri kau, macam mana?” Jadi jangan kita tak ambil tahu, benda itu boleh berlaku. Rupa-rupanya dia minum satu ubat apa tak tahu nak bagi cerdas sihat, *last-last* jadi panas terlebih, keluar benda itu. (Data 429–436)

Contoh kedua ini pula menceritakan tentang sesuatu benda yang dianggap remeh bagi kaum lelaki. Akan tetapi, perkara itu berkemungkinan dianggap sesuatu yang besar bagi kaum wanita lebih-lebih lagi perkara tersebut turut dinyatakan dalam kitab suci al-Quran. Dalam pada itu, penutur telah menegaskan untuk tidak memandang ringan tentang perkara haid yang dihadapi oleh kaum perempuan kerana perkara demikian boleh memberikan kesukaran kepada kaum hawa walaupun lingkungan umur mereka sudah tidak relevan lagi. Melalui perihal tersebut, penutur secara tidak langsung telah menasihati masyarakat agar sentiasa menimba ilmu pengetahuan walaupun hakikatnya ilmu tersebut tidak relevan dengan diri mereka sendiri.

Berdasarkan kedua-dua contoh yang dibincangkan, jelas menggambarkan bahawa retorik penceritaan banyak membantu penutur untuk menerangkan sesuatu perkara dengan lebih mudah dan ringkas. Teknik penceritaan ini bukan sahaja mudah untuk digunakan namun turut menjadikan sesuatu penyampaian itu menjadi lebih santai, harmoni dan memiliki unsur jenaka yang sederhana dan tidak keterlaluan. Hal ini membuatkan pendengar menjadi lebih tekun dan menghayati setiap perkongsian yang disampaikan oleh penutur disebabkan wujudnya perkaitan yang sangat erat dengan

kehidupan harian sesuatu masyarakat. Melalui penerapan retorik penceritaan ini menjadikan sesuatu perkongsian menjadi lebih menarik dan memiliki kepelbagaiannya dari sudut maknanya yang difahami berdasarkan perkaitan ataupun rantaian ayat, konteks dan kontekstual seperti yang terangkum dalam prinsip asas retorik (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:7).

## **Retorik Pemujukan**

Retorik pemujukan atau bujukan merupakan suatu seni untuk memujuk seseorang melakukan perkara yang kita mahu pendengar lakukan (Astrid, 1987). Pada masa yang sama, penutur memberikan kenyataan tertentu yang boleh membuatkan pendengar berfikir atau mempertimbangkannya (Azlina, 2015:40). Selain itu, pemujukan bererti penutur berusaha untuk mengubah pemikiran, pandangan, pegangan atau perlakuan pendengar atau pembacanya. Perkara ini sememangnya sukar untuk dipastikan kerana persepsi seseorang pendengar berubah secara kebetulan berdasarkan pengukuhan penutur tentang sesuatu hal (Md Sidin, 1999:27). Oleh yang demikian, pemujukan ini dibahagikan kepada dua jenis pemujukan, iaitu pemujukan rasional dan tidak rasional. Pemujukan rasional dikaitkan dengan penyampaian hujah yang mampu mempengaruhi pendengar, manakala pemujukan tidak rasional pula berkaitan dengan penyampaian yang mampu menyentuh emosi pendengar (Asrul Azuan & Hajah Nor Azuan, 2015:56). Setelah melakukan pengkategorian, retorik pemujukan ini didapati penggunaannya sebanyak 11 kali, seperti contoh yang dikemukakan berikut ini;

### **(1) Pemujukan rasional**

Contoh 1: **Daripada tumbuh-tumbuhan berwarna hijau akan mengeluarkan api.** Daripada tumbuh-tumbuhan hijau kelapa sawit, engkau buatlah jalan, engkau boleh jadikan api, hari ini boleh hidup tuan-tuan. Sebab itu kalau kita berpecah-belah, bila kita nak majukan dengan al-Quran. Kalau orang Islam tak habis-habis bergaduh siang malam tuan-tuan, bila kita nak jadi bangsa yang maju? (Data 686–689)

Contoh di atas merupakan pemujukan rasional yang menggunakan ayat suci al-Quran sebagai pengukuhan bagi perihal yang ingin dibangkitkan oleh penutur. Melalui pemujukan ini, penutur membawa pendengar untuk berfikir tentang cara untuk memajukan masyarakat Islam. Menurut penutur, persengketaan menjadikannya lebih sukar untuk membangunkan dan

memajukan kehidupan masyarakat. Pemujukan ini sudah tentu membuatkan pendengar berfikir tentang punca dan kesan kemunduran yang berlaku dalam masyarakat mereka sehingga menyebabkan begitu sukar untuk maju ke hadapan. Akan tetapi, jika wujud perpaduan dalam masyarakat, sudah pasti setiap permasalahan yang dihadapi akan dapat dileraiakan dan diatasi dengan jayanya.

(2) Pemujukan melalui kata perintah “jangan” dan “jom”.

Contoh 1: Sebab itu kakak-kakak **jangan** percaya sangat dengan Facebook, apa hal duduk cerita. Tambah-tambah tuan-tuan ini dalam satu pilihan raya kecil, macam-macam cerita terbit. Semak dulu, siasat dulu. (Data 841–843)

Contoh 2: Sebab itu sebelum kita hijrah, **jom** kita jadi insan yang bertaubat, **jom** kita jadi insan yang cari pahala banyak-banyak dan jadilah insan yang kalau boleh elak seelak-elaknya tak mahu buat dosa. (Data 905)

Dalam kedua-dua contoh di atas, dilihat lebih cenderung menggunakan ayat perintah sama ada dengan tujuan untuk mengarahkan, menegur, melarang, mengajak, menyeru, memberi peringatan dan sebagainya (Siti Mahani *et al.*, 2014:20). Daripada petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa kata larangan “jangan” itu digunakan untuk memberikan peringatan dan larangan (Sri Adnyani & Hadisaputra, 2013:73), iaitu untuk tidak mempercayai setiap maklumat yang dikongsikan kepada kita. Sebaliknya, setiap individu hendaklah meneliti dan menyelidik terlebih dahulu sebelum mempercayai maklumat yang diterima agar tidak berlaku sebarang salah faham yang boleh memudaratkan diri sendiri. Kata ajakan “jom” pula digunakan untuk mengajak pendengar melakukan sesuatu perkara (Nurul Shahida & Maslida, 2015:182). Dalam konteks ini, penutur mengajak pendengarnya untuk sama-sama berhijrah menjadi insan yang bertaubat, insan yang merebut pahala dan insan yang tidak mahu melakukan dosa. Bentuk ajakan ini perlu untuk diterapkan bagi mengukuhkan lagi butiran yang dikongsikan di samping menarik perhatian dan menyentuh emosi para pendengar.


Kedua-dua contoh pemujukan yang dijelaskan tersebut memperlihatkan teknik pemujukan berupaya membuatkan pendengar berfikir dan mempertimbangkan hujah yang dikemukakan oleh penutur. Secara tidak langsung, pendengar perlahan-lahan mengubah persepsi mereka seperti yang dihasratkan oleh penutur. Hal ini juga menunjukkan bahawa penutur berjaya meyakinkan pendengar melalui penguasaan bahasa yang

terdapat dalam teknik pemujukan tersebut. Meskipun pada hakikatnya setiap kenyataan yang dibangkitkan memerlukan pemahaman sosial dan keupayaan kognitif yang lebih mendalam, namun alasan mahupun bukti yang dibangkitkan penutur menjadikan sesuatu ungkapan itu tampak meyakinkan sehingga mampu mempengaruhi psikologi dan tindakan mereka selanjutnya. Perkara sedemikian juga turut berkaitan dengan prinsip aras retorik yang dikemukakan oleh Enos dan Brown pada tahun 1993 yang menyatakan setiap ungkapan retorik memerlukan keupayaan kognitif, psikologi, pemahaman sosial dan penguasaan bahasa tertentu (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:7).

## PERBINCANGAN

Penyelidikan ini mendapati bahawa bentuk penceritaan merupakan bentuk yang paling banyak digunakan dalam ceramah Ustaz Kazim Elias, iaitu sebanyak 49 kali bersamaan dengan 37 peratus daripada jumlah keseluruhan bagi jenis retorik yang digunakan. Bentuk yang paling sedikit digunakan dalam ceramah berkenaan ialah bentuk penghujahan, iaitu sebanyak enam kali bersamaan dengan lima peratus daripada jumlah keseluruhannya. Jumlah penggunaan bagi setiap bentuk retorik boleh diperhatikan melalui Rajah 1.

**Jumlah Penggunaan bagi Bentuk-bentuk Retorik**



**Rajah 1** Jumlah penggunaan bentuk-bentuk retorik dalam ceramah Ustaz Kazim Elias.

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh didapati pengisian dan struktur dakwah yang disampaikan oleh Ustaz Kazim Elias masih konsisten dan tidak berubah. Perkara ini boleh diteliti melalui kajian lepas yang berkaitan, misalnya kajian yang diungkayahkan oleh Nor Azuwan *et al.* (2018) dan Normaizura (2018). Jika dibandingkan dapatkan kajian ini dengan kajian yang mereka jalankan tersebut, hasil kajian yang ditemui masih relevan dengan hasil kajian yang mereka peroleh, iaitu jenis retorik yang paling dominan digunakan oleh penceramah Ustaz Kazim Elias tetap konsisten pada penggunaan retorik penceritaan. Meskipun data kajian yang mereka gunakan disampaikan pada tahun 2012 dan 2013, namun pengisian dan struktur ceramah Ustaz Kazim Elias tetap selari dengan ceramah yang disampaikan pada tahun 2020. Oleh itu, ini turut membuktikan bahawa Ustaz Kazim Elias lebih selesa dan gemar menggunakan retorik penceritaan sebagai teknik utama dalam penyampaian ceramahnya di samping menarik perhatian pendengar untuk tetap fokus pada penyampaiannya.

Selain itu, penyelidikan ini juga membuktikan bahawa retorik sememangnya mampu membantu penutur untuk mempertingkatkan mutu penyampaian seseorang khususnya dalam komunikasi lisan yang berunsurkan dakwah. Teori Retorik Moden memainkan peranan yang cukup penting dalam usaha mempengaruhi minda dan psikologi pendengar khususnya dalam menggunakan bahasa yang menarik mengikut teknik tertentu. Perihal ini mampu membuatkan pendengar menjadi lebih tertarik dan menumpukan sepenuh perhatian mereka terhadap penyampaian penutur. Di samping itu, penerapan retorik ini juga membuatkan pendengar berfikir semula tentang kenyataan yang telah dikongsikan kepada mereka.

Pengaplikasian Teori Retorik Moden dikira penting dan amat sesuai untuk dipraktikkan terutamanya dalam pengucapan lisan yang berbentuk keagamaan. Perkara ini boleh diteliti dan dibuktikan penggunaannya dalam ceramah Ustaz Kazim Elias yang sememangnya telah mempraktikkan, menerapkan dan menggunakan kesemua jenis retorik yang wujud dalam Teori Retorik Moden. Meskipun penceramah kurang peka akan penggunaan bahasa retorik namun keberhasilan dan kejayaan yang diperoleh dari dahulu sehingga kini menjadikan suatu bukti akan keberkesanannya penggunaan bahasa retorik. Lebih-lebih lagi ceramah yang disampaikan dilihat menerima sambutan yang luar biasa daripada masyarakat tempatan mahupun masyarakat antarabangsa secara amnya.

## KESIMPULAN

Kajian ini memanfaatkan Teori Retorik Moden yang dikemukakan oleh Enos dan Brown pada tahun 1993 untuk menghuraikan dan menjelaskan ungkapan tertentu mengikut konteks yang diujarkan dalam satu video ceramah Ustaz Kazim Elias. Semua jenis retorik ini telah dikenal pasti melalui penanda tertentu, seperti penggunaan kata pemerl, kata penegas, kata sifat, kata perintah, kata penguat, bahasa figuratif (simile dan metafora) dan ayat-ayat al-Quran. Peratus penggunaan mengikut jenis retorik seperti berikut; pendedahan sebanyak 31%, penghujahan 5%, penerangan 19%, penceritaan 37% dan pemujukan sebanyak 8%. Kajian mendapati penceramah Ustaz Kazim Elias paling banyak menggunakan retorik penceritaan 37% dalam ceramah yang disampaikan pada tahun 2020. Dapatan ini konsisten dengan dapatan pengkaji terdahulu yang dilaksanakan pada tahun 2012 dan 2013. Retorik penceritaan merupakan teknik utama dalam penyampaian ceramahnya untuk menarik perhatian pendengar.

Berdasarkan kajian, penyampaian ceramah didapati banyak memberikan kesan dan pengaruh yang mendalam terhadap kehidupan masyarakat secara menyeluruh. Hal ini menjadikan wujudnya keutamaan untuk memperbaik dan meningkatkan mutu penyampaian seseorang pendakwah agar setiap maklumat atau gagasan yang ingin dikongsikan kepada masyarakat dapat diterima, difahami dan seterusnya dipraktikkan dalam kehidupan mereka sehari-hari. Atas dasar tersebut, kewibawaan seseorang pendakwah memanfaatkan kelebihan tertentu yang wujud dalam penggunaan bahasa retorik itu perlu dimantapkan lagi di samping mengambil kira unsur-unsur lain yang turut menjaskan kredibiliti dan keunggulan penyampaian seseorang pendakwah. Oleh itu, menerusi pemanfaatan bahasa retorik dalam penyampaian suatu dakwah merupakan langkah yang terbaik demi menjamin keberhasilan penyampaian maklumat sehingga berupaya mempengaruhi pemikiran dan tindakan masyarakat ke arah yang positif. Sehubungan itu, keharmonian dan kesefahaman dalam beragama dapat dibentuk dan diperkuuh melalui kerjasama dan perpaduan daripada seluruh umat Islam seperti yang dihasratkan tersebut.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2013). *Linguistik am: Siri pengajian dan pembelajaran bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Amida Abdulhamid. (2015). *Retorik: Yang indah itu bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aqsho, Muhammad. (nd). *I'jaz Alquran*. Dicapai pada 29 November 2021, daripada; [http://digilib.mercubuana.ac.id/manager/t!/@file\\_artikel\\_abstrak/Isi\\_Artikel\\_4343216020\\_81.pdf](http://digilib.mercubuana.ac.id/manager/t!/@file_artikel_abstrak/Isi_Artikel_4343216020_81.pdf)
- Asmah Haji Omar. (1984). *Bahasa iklan perniagaan: Satu kajian bahasa retorik*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob. (2015). Teknik retorik dalam novel *Salina* karya A. Samad Said. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* 2, 49–59.
- Astrid, S. (1987). *Komunikasi: Teori dan praktis*. Penerbit Binacipta.
- Atabik, Ahmad. (2014). Konsep komunikasi dakwah persuasid dalam perspektif al-Quran. *AT-TABSYIR, Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam*, Vol. 2, No. 2, Juli-Desember 2014.
- Azrina Kamaruddin. (2015). *Komunikasi dan seni pemujukan*. UUM Press, Universiti Utara Malaysia.
- Cleanth, B. & Robert, P.W. (1979). *Modern rhetoric* (Fourth Edition). Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Ekasari, W. U. (2015). Pengaruh umur ibu, paritas, usia kehamilan dan berat lahir bayi terhadap asfiksia bayi pada ibu pre eklamsia berat. Program Pasca Sarjana, Universitas Sebelas Maret, Surakarta.
- Fibriani, I. A. (2021). *Majas personifikasi dalam kilometre zero karya Maud Ankaoua*. Departemen Sastra Prancis, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Hasanuddin, Makassar.
- Hart, R.P. (1997). *Modern rhetorical criticism*. York Production Services.
- Hermawan, A.. (2018). *Retorika dakwah*. Yayasan Hj Kartini Kudus.
- Husna Hidayah Mansor. (2018). *Retorik dalam ceramah agama Kazim Elias* (Tesis Ijazah Sarjana Sastera tidak diterbitkan). Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- I. Nengah, M.. (2010). Pendekatan retorik untuk mengefektifkan kalimat tidak efektif dalam karya tulis ilmiah. *Jurnal IKA*, 8, 1.
- Israr, MH. (1993). *Retorika dan dakwah Islam era moderen*. C.V Firdaus.
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. (2011). Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khairul Taufiq Abu Bakar. & Nor Hashimah Jalaluddin. (2017, Jun). Kata Pemerintah dan adalah: Analisis pragmatik. *Jurnal Linguistik*, 21(1), (014–028).
- Lim Kim Hui. (2007). *Pemikiran retorik barat: Sebuah pengantar sejarah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Lim Kim Hui & Har Wai Mun. (2014). *Jaringan bahasa: Logik, retorik dan globalisasi*. Selangor Darul Ehsan.
- Md Sidin Ahmad Ishak, M.S.A. (1999). *Ketrampilan menulis*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Mazlan Abu Bakar. (2015). *Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media* (Tesis Ijazah Sarjana Sastera tidak diterbitkan). Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016, 1 Jun). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media cetak. *Jurnal Linguistik, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia*. 20, 010–025. <http://WWW.PL.MY>
- Nazri Atoh & Zubir Idris. (2013). Simile sebagai kesantunan berbahasa dalam Syair Siti Zubaidah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4, 78–95. <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1135>
- Nor Azuwan Yaakob, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normaizura Md. Zain & Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2018, Disember). Penerapan retorik dalam penyampaian ceramah agama. *Jurnal Linguistik*, 22(2) (054–067).
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik Naratif dalam Novel “Orang Kota Bharu”. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 13–22.
- Normaizura Md Zain, N. (2018). *Jenis dan gaya retorik dalam ceramah agama* (Tesis Ijazah Sarjana Sastera). Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Nor Raudah Hj. Siren. (2013). *Retorik penulisan dakwah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Nurhasma Muhamad Saad, Yuslina Mohamed, Wan Moharani Mohammad, Muhammad Marwan Ismail & Zulkipli Md Isa. (2021). Teknik retorik penceritaan hadis naratif sahih al-Bukhari berdasarkan perawi terpilih. *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, . 4(3), 199–216.
- Nur Sakinah Sabari. (2018). *Retorik pembujukan dakwah dalam lagu nasyid: Kajian terhadap lagu Opick dan Hafiz Hamidun*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini. (2021). Retorik dalam dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, Special Edition, 149–158.

- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2015, Februari). Analisis deiksis dialek Kedah. *GEMA Online: Journal of Language Studies*, 15(1). <http://dx.doi.org/10.17576/GEMA-2015-1501-10>
- Rosyadie, E. (n.d). *Juara pentas! Panduan praktikal pengucapan awam*. PTS Millennia.
- Saifudin, A. (2012). Metafora dalam lirik lagu Kokoro No Tomo Karya Itsuwa Mayumi. *LITE: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 8(2).
- Sara Beden, & Indirawati Zahid. (Februari 2016). Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa: Komunikasi Bebas Konflik. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(1).
- Siti Mahani Angterian, Hasnah Mohammad & Raja Masittah Raja Ariffin. (Disember 2014). Ayat perintah dalam novel *Kabus di Perbukitan*. *Jurnal Linguistik*, 18(2) 019–029.
- Siti Norashikin Mohd Khalidi. & Nor Azuwan Yaakob. (2018). Bahasa figuratif sebagai wahana penjelasan unsur emotif. *Journal of Management & Muamalah*, 8(1). <http://jmm.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/56>
- Siti Nor Atikaf Salleh, Norfarhana Shahira Rosly, Nabillah Bolhassan & Asrul Azuan Mat Dehan. (2016). Keanekaragaman ciri laras bahasa kreatif (sastera) dalam penulisan novel Hujan Pagi. *Jurnal Ilmi*, 6, 11–28.
- Siti Rugayah Hj Tibek & Salasiah Hanin Hamjah. (2005). *Dakwah dan pembangunan masyarakat*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sobariah Baharum. (2008). *Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain*. Universiti Putra Malaysia.
- Sohana Abdul Hamid & Hairun Najuwab Jamali. (2017, Januari-Juni). Komunikasi berkesan membina sahsiah pelajar. *ISLAM TRANSFORMATIF: Journal of Islamic Studies*, 1(1).
- Sri Adnyani, N. L. P. & Hadisaputra, I. N. P. (2013). Pemerolehan negasi seorang anak dwibahasa Indonesia-Jerman pada umur 1;2 Sampai 3;0. *Linguistik Indonesia: Jurnal Ilmiah Masyarakat Linguistik Indonesia*, 31(1).
- Sutopo, B. (Januari 2014). Hiperbola dan simile dalam novel Mukenah & Sajadah untuk Saya Karya Maria Bo Niok: Kajian stilistika. *Jurnal Sasindo, Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(1).
- Wan Azura, W.A., Ahmad Fazullah, M.Z.A., Rosni Samah, R., Hishomudin Ahmad, Yuslina Mohamed & Mikail Ibrahim. (2017). Uslub targhib (motivasi) dalam muamalah hasanah: Analisis *Surah ad-Dhuha* daripada perspektif psikologi dan retorik. *Journal of Nusantara Studies*, 2(2), 198–213.
- Zainoriah Kadri. (2015). Elemen pemikiran kritis menurut perspektif al-Quran: kajian *Surah Al-Rum* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Zaitul Azman Zainon Hamzah. (2009). *Bahasa dan budaya dalam novel terjemahan: Satu Pendekatan pragmatik dalam kelestarian bidang penterjemahan*. Persatuan Penterjemah Malaysia.